



## “ IDULADHA : IKTIBAR IBADAH KORBAN”

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ  
بُكْرَةً وَأَصِيلًا، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَلَا نَعْبُدُ إِلَّا إِيَّاهُ  
مُخْلِصِينَ لَهُ الدِّينَ، وَلَوْ كَرِهَ الْكَافِرُونَ. لَا إِلَهَ إِلَّا  
اللَّهُ وَحْدَهُ، صَدَقَ وَعْدُهُ وَنَصَرَ عَبْدَهُ، وَأَعَزَّ جُنْدَهُ  
وَهَزَمَ الْأَحْزَابَ وَحْدَهُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَانَا لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهْتَدِيَ  
لَوْلَا أَنْ هَدَانَا اللَّهُ.



أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ ، لَهُ  
الْمُلْكُ وَلَهُ الْحَمْدُ وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ .  
وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ . اللَّهُمَّ  
صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ  
وَأَصْحَابِهِ وَالتَّابِعِينَ لَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ  
الدِّينِ .

أَمَّا بَعْدُ ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ ! اتَّقُوا اللَّهَ ، أَوْصِيكُمْ  
وَأَيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ . قَالَ اللَّهُ تَعَالَى  
: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا  
وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ .

اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، اللَّهُ أَكْبَرُ ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ .

**Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah sekalian,**

Alhamdulillah, pagi ini, kita berpeluang menyambut hari raya korban (hari raya haji), hari mulia dan penuh berkat. Kita bersyukur kerana didorong oleh Allah



SWT., memilih tempat solat sebagai tempat pertama untuk dikunjungi. Marilah kita buktikan rasa syukur dengan meningkatkan tahap ketaqwaan kita kepada ALLah SWT. Ketaqwaan yang mantap hendaklah diterjemahkan melalui amalan yakni dengan mentaati segala perintah Allah SWT. dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita sentiasa mendapat rahmat, kasih sayang dan perlindungan-Nya sama ada di dunia mahupun di akhirat nanti, insyaAllah.

Mimbar pada pagi ini akan membicarakan tajuk “ **‘IDULADHA : IKTIBAR IBADAH KORBAN’**”.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ أَكْبَرُ.

**Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah SWT.**

Secara tradisi, ibadah korban di Malaysia ialah dengan menyembelih binatang ternakan seperti lembu, kerbau, kambing dan kadang-kadang unta. Inilah amalan ibadah korban yang telah dilakukan sejak dahulu, kini dan selamanya, insyaAllah. Sebentar lagi, selepas solat sunat 'iduladha kita akan menyembelih binatang ternakan bagi menyempurnakan ibadah korban dan kalau tidak sempat hari ini, ianya boleh juga dilakukan pada hari-hari tasyriq; 11,12 dan 13 Zulhijjah. Mana-mana ahli masyarakat Islam yang mengambil bahagian dalam ibadah korban ini sudah pasti akan mendapat ganjaran yang dijanjikan oleh Allah SWT. Semoga melalui rezeki yang kita perolehi membolehkan kita terus melakukan ibadah korban dan meneruskannya di masa hadapan.

“Daripada Zaid bin Arqam RA, dia berkata: Suatu hari sahabat Rasulullah SAW bertanya: “Wahai Rasulullah, apakah yang ada pada korban itu?” Jawab Rasulullah: “Ia adalah sunnah bapa kamu, Ibrahim.” Mereka berkata: “Apa yang akan kami peroleh daripadanya wahai Rasulullah?” Rasulullah menjawab: “Bagi



setiap helai rambut ada kebajikannya." Mereka berkata: "Bagaimana pula dengan bulunya wahai Rasulullah?" Rasulullah SAW menjawab: "Bagi setiap helai bulu ada kebajikannya."

*(Riwayat Ahmad, Ibnu Majah dan at-Tirmizi).*

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Ibadah korban perlu dilakukan dengan niat yang ikhlas, perasaan rendah diri, tawadhuk dan jujur demi melaksanakan syiar yang ditetapkan oleh Allah SWT. Pelaksanaannya memerlukan wang, tenaga, tempat, kerjasama, kesepakatan serta gotong-royong di kalangan masyarakat. Dengan itu rasa ukhuwah sesama ahli kariah akan terjalin dan jalinan ukhuwah adalah sebahagian petunjuk kita mendapat rahmat dan kasih sayang Allah SWT.

Umat Islam pada hari ini sedang dilanda dengan pelbagai krisis akhlak, masalah dan cabaran. Oleh yang demikian, kita memerlukan pengorbanan yang tinggi di setiap bidang kehidupan.

Antara pengorbanan utama ialah mengorbankan perasaan sombong, ego dan bangga diri atau "ananiyah". Hendaklah kita limparkan jauh-jauh sifat dan perasaan ini dari terus bersarang dalam diri kerana sifat inilah yang menyebabkan anak nabi Adam telah sanggup membunuh saudara kandungnya. Malahan persengketaan kemanusiaan yang tercipta sejak dari peristiwa pembunuhan tersebut ianya terus berlaku sampai sekarang yang berpunca dari rasa sombong, ego dan besar diri kerana enggan mematuhi sepenuhnya perintah Allah SWT. Sedangkan selaku individu Muslim, setiap masa kita dituntut menta'ati perintah Allah SWT.



Umat Islam kena sentiasa berkorban bagi mewujudkan kesatuan aqidah. Melalui pengorbanan yang dilakukan dalam usaha dakwah yang berterusan serta dengan pengamalan syariat Islam yang sempurna, Rasulullah SAW. telah berjaya menyatukan bangsa Arab, Yahudi dan bangsa-bangsa lain yang terlalu kuat sikap asabiyah kelompok atau suku puak masing-masing.

Sekarang ini, umat Islam dari seluruh dunia dengan pelbagai bangsa, bahasa, warna kulit dan budaya sedang berhimpun di Mina, setelah meninggalkan padang 'Arafah. Mereka melaungkan takbir, tasbih dan tahmid bagi menggambarkan keagungan, kebesaran, kekuasaan dan kehebatan Allah SWT. Inilah lambang kesatuan akidah dan Izzah serta kehebatan Islam.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

Sebenarnya belum memadai jika kita cuma mampu melaksanakan ibadah korban dengan menyembelih binatang ternakan sekali dalam setahun walaupun jumlahnya beratus-ratus atau beribu-ribu ekor. Sedangkan pada masa yang sama ada di kalangan umat Islam masih tidak meyakini sepenuhnya dengan syariat Allah yang lain dalam hal ehwal Islam lain terutama perkara yang wajib, penting dan malahan lebih utama.

Di luar sana terlalu banyak kemungkaran, kefasadan dan kejahatan yang berlaku dan akan terus berlaku. Antara kemungkaran tersebut ialah pergaulan bebas lelaki dan wanita yang bukan mahram sehingga menyebabkan berlakunya berbagai perkara tidak diingini yang bertentangan dengan syariat Islam. Kemungkaran akan terus berlaku jika kita tidak berperanan menegur dan menunjuk ajar kepada ahli keluarga dan masyarakat seluruhnya. Begitu juga dengan rancangan hiburan di media elektronik dan media massa yang banyak menampilkan skrip berserta watak lakonan yang boleh merangsang penontonnya



melakukan perbuatan kurang sopan, merosak moral, mencemar akhlak serta melemahkan keimanan lantaran terpengaruh hasil dari menonton rancangan-rancangan tersebut.

Di sana sini masih berlaku perbuatan mazmumah (yang dikeji) dalam bentuk mengumpat, mencaci, memfitnah, mengadakan berita palsu, menyebarkan khabar angin, mengadu domba, berburuk sangka, berdengki, khianat, iri hati dan tuduhan palsu yang bertujuan untuk mengaib serta memalukan seseorang atau individu tertentu. Pada masa yang sama kejahatan-kejahatan dalam bentuk perlakuan rasuah, penyelewengan, penipuan, penganiayaan, pembunuhan, penculikan, rompakan, pembohongan dan lain-lain masih terus berlaku semacam tiada tanda bahawa segala bentuk kemungkaran tersebut akan berkurangan. Perkara-perkara mungkar yang berterusan inilah yang bakal menjadi punca kepada wujudnya pelbagai masalah sosial, kegelisahan dan ketegangan di kalangan masyarakat. Sesungguhnya banyak lagi kemungkaran-kemungkaran yang berlaku di pelbagai ruang media, bidang dan lapangan kehidupan yang perlu dikawal, dicegah dan dibentaras.

Di sana sini masih ada pula umat Islam yang terkeliru, tersesat, terpengaruh dengan pelbagai dakyah atau aliran pemikiran, pendapat dan ajaran sesat. Aliran pemikiran dan pendapat yang merosak aqidah beserta bertambahnya bentuk ajaran sesat yang memurtadkan orang Islam perlu dicegah dan dikawal demi menyelamatkan umat Islam dari gejala tersebut. Tindakan bagi mengatasi perkara ini sememangnya memerlukan pengorbanan dari masyarakat Islam yang beriman, berilmu dan perihatin untuk bertindak memperbetul, memulih dan menyelamatkan keyakinan mana-mana individu, keluarga atau kelompok yang terpesong atau tersesat itu untuk dipimpin dan dibawa kembali kepangkuan kebenaran Islam.



Di luar sana terdapat pula golongan yang taksub dengan pendapat kelompok masing-masing. Mereka tidak dapat membezakan antara persoalan yang hak dan batil. Ada ketikanya mereka dilihat sebagai tidak memahami atau tidak punya adab ketika berbeza pendapat. Sedangkan para imam fuqaha' yang banyak berselisih pendapat pun tidak pernah mendabik dada sebagai mereka sahaja yang benar.

Marilah kita berlapang dada, berkorban perasaan dengan menampilkan akhlak dan tatalaku yang lemah lembut, bertutur dengan bahasa yang sopan dan tidak menggunakan istilah atau perkataan menyakitkan perasaan orang lain, jadilah penyabar, pemaaf, beradab, tidak meninggi diri dan menjauhi sifat-sifat mazmumah yang lain. Memang usaha mulia untuk mengajak manusia kepada menghayati Islam seutuhnya sentiasa diganggu oleh nafsu, syaitan yang menyesatkan dan segolongan manusia memang suka atau sering menganjurkan kepada pelbagai unsur perpecahan, pengkhianatan, pertelingkahan dan permusuhan.

Tindakan-tindakan yang dilakukan oleh mana-mana individu, kelompok umat Islam bagi menangani kesemua kemungkaran yang dinyatakan tadi menuntut komitmen para insan muslim, mukmin dan muttaqin untuk meneruskan tugas mulia para rasul dan nabi yakni mengajak semua manusia kepada Islam demi mencapai rahmat yang dijanjikan oleh Allah SWT. Subhanallah! Keperihatinan dan kepedulian kita terhadap pelbagai masalah yang berlaku memerlukan tindakan atau pengorbanan berterusan. Bahkan umat Islam perlu bermujahadah melaksanakan kewajipan yang telah difardhukan.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ أَحْمَدُ.

**Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah,**



Sesungguhnya terlalu banyak amalan yang memang memerlukan pengorbanan dari segi masa, tenaga, wang ringgit, ilmu, keyakinan, kefahaman dan keikhlasan. Maka nyatalah umat Islam perlu mengambil iktibar dari pelaksanaan ibadah korban yang diperintahkan oleh Allah swt sejak zaman nabi Adam, nabi Ibrahim, Nabi Ismail dan seterusnya sehingga kini. Di antara iktibar tersebut ialah umat Islam hendaklah;

1. Berkorban untuk mempertahankan aqidah Islamiyah kerana ia adalah tonggak kekuatan dan kesatuan ummah dan sanggup beramal dengan amalan yang betul mengikut seperti yang yang disampaikan oleh Rasulullah SAW.
2. Berkorban untuk menyeru dan menyampaikan risalah Islam kepada masyarakat samada kelompok Islam mahupun yang bukan Islam supaya mereka melaksanakan segala amanah dan tanggungjawab yang diperintah oleh Allah SWT. dalam mematuhi syariat-Nya.
3. Menghindarkan diri daripada bersifat buruk sangka terhadap mana-mana individu Muslim yang lain kerana buruk sangka itu merupakan satu sikap yang mendatangkan dosa.
4. Sentiasa berbincang dan bermusyawarah untuk mencapai kesepakatan dalam menyelesaikan pelbagai isu yang berkaitan dengan kepentingan Islam.
5. Sedia berkorban untuk menerima Islam sebagai rujukan utama dalam menyelesaikan pelbagai masalah.
6. Sentiasa mengekang hawa nafsu jahat yang mengajak manusia untuk melakukan perkara mungkar yang akan menyebabkan Allah murka.

**Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah sekalian,**





Ingatlah, disamping kita melaksanakan ibadah korban dengan menyembelih binatang ternakan yang dagingnya disumbangkan kepada mereka yang ditetapkan oleh syariat, kita juga mempunyai banyak lagi kewajipan lain yang juga memerlukan amalan berkorban dari segi masa, tenaga, wang ringgit dan jiwa raga secara berterusan dari para Muslimin bagi memastikan Islam dan syariat-Nya sentiasa diamalkan dan tetap berada di persada keagungannya buat selama-lamanya. Sesungguhnya umat Islam hendaklah sentiasa ikhlas dalam melakukan apa jua amal dan kegiatan yang boleh mengingatkan manusia kepada menta'ati Allah dan Rasul-Nya.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
أَنْفِرُوا خِفَافًا وَثِقَالًا وَجَاهِدُوا بِأَمْوَالِكُمْ وَأَنْفُسِكُمْ  
فِي سَبِيلِ اللَّهِ ذَلِكُمْ خَيْرٌ لَّكُمْ إِنْ كُنْتُمْ تَعْلَمُونَ ﴿٤١﴾

*"Pergilah kamu beramai-ramai (untuk berperang pada jalan Allah), sama ada dengan keadaan ringan (dan mudah bergerak) ataupun dengan keadaan berat (disebabkan berbagai-bagai tanggungjawab); dan berjihadlah dengan harta benda dan jiwa kamu pada jalan Allah (untuk membela Islam). Yang demikian amatlah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui".*

*(at-Taubah: 41).*



بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،  
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ  
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ  
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِيْ  
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،  
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ، اللهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.



## KHUTBAH KEDUA

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.  
الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا  
شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.  
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ  
وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا  
عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ  
تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا  
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

**Sidang Jemaah yang di Rahmati Allah,**

Manusia terbaik lagi agung yang menjadi contoh dan ikutan kita dalam melakukan pengorbanan seutuhnya ialah Rasulullah SAW. Baginda sentiasa memberikan kerjasama, sumbangan, bantuan dan pertolongan kepada



sesiapa sahaja yang meminta atau memerlukannya tanpa mengira agama, bangsa, darjat dan keturunan. Manakala generasi terbaik berikutnya yang berkorban apa sahaja untuk Islam ialah generasi para sahabat RA. dan generasi seterusnya hingga ke hari ini.

Oleh itu, ketika kita sedang bergembira menyambut 'Iduladha, kita juga menyedari bahawa di sana sini terdapat sebahagian anggota masyarakat yang mengalami pelbagai bentuk kesusahan dan penderitaan. Mereka terdiri dari golongan fakir, miskin, anak yatim, muallaf, anak terbiar, orang tua, orang kurang upaya dan yang menghadapi bencana-bencana alam dan lain-lain. Manakala di luar negara pula ada mereka yang hidup dalam suasana peperangan, pembunuhan, penyeksaan, penindasan, penzaliman, ketakutan, penganiayaan, kelaparan, menjadi pelarian dan pelbagai lagi.

Disinilah semangat berkorban itu perlu ditampil dan dilaksanakan bagi membantu mengurang dan menyelesaikan permasalahan yang mereka hadapi. Sudah tentu keadaan mereka di pagi ini tidak se meriah suasana yang sedang kita alami. Bagi mereka yang berkenaan pada pagi yang indah ini, tiada istilah keriang, kegembiraan, keceriaan, kedamaian dan keseronokan kerana mereka sedang berada dalam keadaan kesempitan, kesengsaraan, dan kepayahan. Cubalah bayangkan jika diri, keluarga kita, kelompok kita atau negara kita, berada pada suasana yang sedang mereka alami.

Justeru, bagi menggambar dan menyatakan rasa simpati dan betapa terharunya kita dengan keadaan yang mereka rasai, mimbar menyeru dan merayu supaya kita menghidupkan semangat sedia untuk berkorban demi menzahirkan rasa ukhuwah, kasih sayang serta mengukuh silaturrahim dengan bersedia memberi pertolongan, sumbangan dan bantuan tanpa



mengira bangsa, masa dan suasana. Hurlurkan apa jua bantuan terutama kepada masyarakat tempatan dan juga masyarakat luar negara yang amat memerlukan. Tindakan ini akan melahirkan rasa belas kasihan, rasa hiba dan rasa kebersamaan serta dapat mengurangkan bebanan dan tekanan yang ditanggung oleh mereka.

Marilah kita pujuk hati dan bina akhlak mulia supaya wujud perasaan peduli, ambil kisah serta mengasihani sesama manusia. Walaupun bantuan yang diberi tidak seberapa, namun kita akan mampu melahirkan rasa tanggungjawab ke arah melahirkan masyarakat yang harmoni, tolong menolong, bersatu padu dan saling bekerjasama. Dengan ini kita berjaya mendidik diri untuk mengutamakan kebajikan ummah demi melaksana tanggungjawab terhadap sesama manusia dan juga tanggungjawab terhadap Allah SWT.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ  
اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ  
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ  
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ



الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ  
الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ  
الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنَ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ  
وَقَائِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ  
سَلَاغُورِ، سُلْطَانَ شَرَفُ الدِّينِ ادریس شاه  
الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحُ الدِّينِ عبد  
العزیز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ  
وَالْتَوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ  
سَلَاغُورِ، تَعَكَوْ أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفُ  
الدِّينِ ادریس شاه الحاج فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ  
بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ  
أَطِّلْ عُمَرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ



وَالْبِلَادِ، وَبَلَغَ مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى  
وَالرَّشَادِ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ  
وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا  
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ  
ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ  
وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ  
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ  
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،



لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ،  
اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.

\*\*\*

JAIS/Nurul  
25.09.2014